

SHEIKH 'ABD AL-FATTĀḤ ABŪ GHUDDAH (1917-1997M): RIWAYAT HIDUP DAN KARYA-KARYANYA

Oleh :
Mohd. Khafidz Soroni* dan Fauzi Deraman**

Abstract

The writing tries to present one of the recent great scholars who has given tremendous intellectual contribution to the academic world and Muslim society at large. He is Sheikh 'Abd al-Fattāḥ Abu Ghuddah (1917-1997), an authoritative scholar respected by friends and opponents. This is a biographic writing and narration of his life.

Pendahuluan

Dalam abad yang kedua puluh sebenarnya tidak sedikit tokoh-tokoh hadith yang muncul memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam. Di antara mereka itu sebagai contoh ialah ; Sheikh Muḥammad Anwār Shāh al-Kashmīrī (m. 1352H), Sheikh 'Umar Ḥamdān al-Maḥrasī (m. 1368H), Sheikh Muḥammad Rāghib al-Ṭabbākḥ (m. 1370H), Sheikh Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (m. 1371H/ 1952M), Sheikh Aḥmad al-Ṣiddīq al-Ghumārī (m. 1380H), Sheikh Aḥmad ibn Muḥammad Syākīr (m. 1383 H/ 1963 M), Sheikh Muḥammad Yāsīn al-Fādānī (m. 1410H), Sheikh Ḥabīb al-Raḥmān al-A'zamī (m. 1992M), Sheikh 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (m. 1997M), Sheikh Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (m. 1999M) dan lain-lain lagi. Sumbangan yang telah dicurahkan oleh mereka amat besar ertinya kepada bidang pengajian hadith, baik yang bentuk pentahkikan manuskrip mahupun penghasilan karya-karya baru dalam ilmu hadith. Tulisan ini akan memperkenalkan

* Pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

** Prof. Madya. di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

salah seorang daripada tokoh-tokoh hadith tersebut, iaitu Sheikh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah yang mana namanya di persada ilmu bukanlah asing bagi para ilmuan dan para sarjana, khususnya di kalangan mereka yang berkecimpung di dalam bidang hadith.

Biografi Sheikh ‘Abd Al-Fattāh Abū Ghuddah

Nama, Keturunan dan Gelaran

Nama penuh beliau ialah Sheikh Abū Zāhid ‘Abd al-Fattāh ibn Muhammad ibn Bashīr ibn Ḥasan Abū Ghuddah al-Ḥalabī al-Ḥanafī.¹ Jalur keturunan beliau ini dicatatkan sampai kepada seorang sahabat besar Nabi s.a.w. yang masyhur bernama Sayidina Khālid ibn al-Walīd r.a.² Beliau sendiri pernah menambah pada namanya gelaran ‘al-Khālidī’ sebagai nisbah kepada Khālid ibn al-Walīd r.a.³ Manakala Abū Ghuddah merupakan gelaran keluarga bagi Sheikh ‘Abd al-Fattāh yang merupakan cabang daripada keluarga-keluarga di bawah jalur keturunan Sayidina Khālid ibn al-Walīd r.a.⁴

Kelahiran, Keluarga dan Pendidikan Awal

Sheikh ‘Abd al-Fattāh dilahirkan di kampung al-Jubaylah, Ḥalab yang terletak di utara Syria pada 17 Rejab tahun 1336 H bersamaan dengan 9 Mei tahun 1917M.⁵ Beliau merupakan anak keempat daripada lima orang adik beradik. Bapa mereka, Muhammad Abū Ghuddah (m.

¹ Maḥmūd Sa‘īd Mamdūḥ (1998), *al-Shadhā al-Fawwah fī Akhbār Sayyidī Sheikh ‘Abd al-Fattāh*. T.T.P.: Dār al-Imām al-Tirmidhī, h. 4. Muhammad ‘Abd Allāh Āl Rashīd (1999), *Imdād al-Fattāh bi Asānīd wa Marwiyyāt Sheikh ‘Abd al-Fattāh*. Riyadh: Maktabah al-Imām al-Shāfi‘ī, h. 10. Aboghodda.com, http://www.aboghodda.com/ar_birth.htm, 1hb. Disember 2004.

² Aboghodda.com, http://www.aboghodda.com/ar_birth.htm, 1hb. Disember 2004.

³ Muḥammad ‘Abd Allāh Āl Rashīd (1999), *op.cit.*, h. 141.

⁴ *Op.cit.*

⁵ Muḥammad ‘Abd Allāh Āl Rashīd (1999), *op.cit.*, h. 142. Aboghodda.com, http://www.aboghodda.com/ar_birth.htm, 1hb. Disember 2004.

1360H/ 1940M), merupakan seorang tukang tenun, iaitu pekerjaan yang diwarisi daripada bapanya, Bashīr Abū Ghuddah (m. 1355H/ 1935M). Manakala ibu mereka pula, bernama Fāṭimah Muzkatlī (m. 1376H/ 1956M).⁶ Pada masa remaja, Sheikh ‘Abd al-Fattāh banyak membantu bapa dan datuknya menjalankan perniagaan tenunan mereka. Beliau juga pernah mengambil upah sebagai pembantu perniagaan kepada seorang peniaga di pasar al-Zahr yang bernama Haji Muhammad Dunyā ketika berusia sekitar enam belas tahun.⁷

Sheikh ‘Abd al-Fattāh telah membesar dan menerima pendidikan awalnya di bandar Halab. Melihat tanda-tanda kecerdikan pada dirinya dan kecenderungan terhadap pelajaran, datuk beliau, Bashīr Abū Ghuddah telah memasukkan Sheikh ‘Abd al-Fattāh ke al-Madrasah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah al-Khāṣṣah di Halab ketika usianya mencecah lapan tahun. Sheikh ‘Abd al-Fattāh telah belajar di sekolah tersebut selama empat tahun lamanya dari tahun 1925 sehingga tahun 1929. Sesudah itu, beliau berpindah pula ke Madrasah Sheikh Muhammad ‘Ali al-Khaṭīb untuk mempelajari seni tulisan khat. Namun, beliau berhenti dari madrasah tersebut selepas beberapa bulan kerana hilang minat untuk meneruskannya.⁸

Selepas itu, beliau hanya menumpukan perhatiannya membantu bapa dan datuknya menjalankan perniagaan tenunan serta mempelajari selok-belok bidang perniagaan. Pengajiannya pula hanya diteruskan secara tidak formal melalui pengajian-pengajian yang diadakan di masjid-masjid di sekitar tempat tinggalnya, terutama pengajian Sheikh ‘Īsā al-Bayānūnī (m.1362H/1942M). Boleh dikatakan beliau agak lewat menimba ilmu pengetahuan secara lebih serius berbanding rakan-rakannya yang lain. Ketika usianya mencapai sembilan belas tahun, iaitu setelah tujuh tahun beliau tidak bersekolah secara formal, barulah beliau menyambung semula pembelajarannya. Beliau telah memasuki al-Madrasah al-Khusrūwiyyah (yang kemudian dikenal dengan nama

⁶ Aboghodda.com, *ibid*.

⁷ *Ibid*. Lihat: Salmān Abū Ghuddah (2003), *al-Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah*, dalam: ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah (2003), *Ṣafaḥāt min Ṣabr al-‘Ulamā’ ‘ala Syadā’id al-‘Ilm wa al-Taḥṣīl*, Halab : Maktab al-Matbu‘at al-Islamiyyah, c. 7, h. 13.

⁸ *Ibid.*, http://www.aboghodda.com/ar_study.htm, 1hb. Disember 2004.

al-Thānawīyyah al-Shar'īyyah) pada tahun 1356H (1936M). Itu pun di atas inisiatif dan keinginannya sendiri yang begitu dahagakan ilmu pengetahuan. Beliau sangat gigih menimba ilmu daripada guru-guru di madrasah berkenaan. Setelah enam tahun pengajian, beliau telah menamatkan pembelajarannya di sekolah tersebut pada tahun 1362H (1942M)⁹, iaitu dalam usia kira-kira 25 tahun.

Pengajian Sheikh 'Abd al-Fattāh sebenarnya tidaklah terbatas sekadar menghadiri pengajian formal rutin di dua madrasah tersebut. Ini kerana minat dan kecintaannya yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan membuatkan beliau sering mendampingi guru-gurunya dengan sepenuh perhatian dan segala peluang yang ada. Oleh kerana itu, beliau telah memperolehi banyak manfaat, ilmu pengetahuan dan pengalaman tambahan melalui bimbingan guru-gurunya tersebut, sehinggalah akhirnya beliau telah berjaya menandingi rakan-rakannya yang lain dengan berkat usaha dan kesungguhannya sendiri¹⁰. Antara guru-guru beliau di Ḥalab ialah; Sheikh Muhammad Rāghib al-Ṭabbākh (m.1370H/1951M), Sheikh 'Īsā ibn Ḥasan al-Bayānūnī (m.1362H/1942M), Sheikh Muhammad Najīb Sirāj al-Dīn (m.1373H/1954M). Sheikh Ibrāhīm al-Salqīnī (m. 1367H), anak beliau, Sheikh Muhammad ibn Ibrāhīm al-Salqīnī (m. 1422H/ 2001M), Mufti Ḥalab, Sheikh Aḥmad ibn Muhammad al-Kurdī al-Ḥanafī (m. 1377H/ 1957M), Sheikh Ahmad ibn Muhammad al-Zarqā (m. 1357H/ 1937M) dan anak beliau, Sheikh Muṣṭafa al-Zarqā (m. 1420H/ 1999M).¹¹ Demikianlah sebahagian guru-guru Sheikh 'Abd al-Fattāh di Ḥalab yang membentuk disiplin awal ilmu pengetahuannya sehinggakan beliau dapat menguasai pelbagai disiplin ilmu seperti akhlak, tasauf, tafsir, hadith, *muṣṭalah al-ḥadīth*, sirah, *naḥw*, *balaghah*, fiqh - khususnya mazhab Hanafi - dan juga uṣūl al-fiqh.

⁹ Maḥmūd Sa'īd Mamdūh (1998), *op.cit.*, h. 4. *Ibid*, http://www.aboghodda.com/ar_study.htm, 1hb. Disember 2004.

¹⁰ Maḥmūd Sa'īd Mamdūh (1998), *Ibid*.

¹¹ *Ibid.*, h. 5. http://www.aboghodda.com/ar_study.htm, 1hb. Disember 2004.

Pengajian Beliau di Universiti al-Azhar

Setelah menamatkan pengajian di tanah airnya, beliau bercita-cita pula untuk melanjutkan pembelajaran ke Universiti al-Azhar, Mesir, sebuah institusi pengajian ilmu terbesar pada ketika itu yang menjadi pusat tumpuan pelajar Islam dari serata pelosok dunia. Maka, pada tahun 1944 beliau telah berangkat pergi ke Mesir untuk menunaikan hasrat itu. Umurnya pada masa itu sudah menjangkau 27 tahun, satu peringkat umur yang dianggap agak lewat pada masa ini. Namun, berbekalkan keazaman dan kesungguhan yang kuat beliau tetap meneruskan hasratnya itu. Beliau kemudian telah mendaftar masuk ke Fakulti Syariah di Universiti al-Azhar. Beliau begitu tekun dan gigih menimba ilmu pengetahuan sepanjang pengajiannya di al-Azhar yang berlangsung antara tahun 1944 sehingga tahun 1948.¹²

Beliau tidak pernah mensia-siakan masanya untuk mempelajari ilmu pengetahuan daripada ulama-ulama besar al-Azhar ketika itu. Dalam tempoh pengajiannya ini juga, beliau mula mendekati diri dengan bidang penulisan. Bidang yang menjadi fokus dan minat beliau pada masa ini adalah bidang kesusasteraan. Beliau banyak menulis artikel-artikel pendek yang berbentuk kritikal dan dihantar kemudiannya kepada pihak-pihak majalah yang aktif diterbitkan ketika itu.¹³

Setelah tamat tempoh pengajiannya di al-Azhar, beliau masih belum mahu pulang ke tanah airnya lagi, lalu beliau mengambil pula program pengkhususan *Uṣūl al-Tadrīs* (pengajian pedagogi) di dalam Fakulti Bahasa Arab selama dua tahun. Beliau kemudian berjaya meraih ijazah program berkenaan pada tahun 1950, dengan usianya ketika itu sudah mencecah kira-kira 33 tahun. Maka, tempoh pengajian beliau di Mesir ini lebih kurang selama enam tahun lamanya.¹⁴ Antara guru-guru beliau sewaktu di al-Azhar ialah: Sheikh 'Īsā ibn Yūsuf ibn Aḥmad Mannūn (m. 1376H/ 1957M). Sheikh Yūsuf al-Dijwī (m. 1365H/ 1946M). Sheikh Muḥammad 'Alī al-Sāyis, Sheikh 'Abd al-Ghanī 'Abd al-Khālīq

¹² *Op.cit.*, http://www.aboghodda.com/ar_study.htm, 1hb. Disember 2004.

¹³ Dr Muḥammad Rajb al-Bayyūmī (1997), *Faḍīlah Sheikh 'Abd al-Fatāh Abū Ghuddah*, dalam majalah *al-Azhar*, Muharram 1418H / Mei 1997M, h. 72. Muḥammad 'Abd Allāh Al Rashīd (1999), *op.cit.*, h. 100-101.

¹⁴ *Ibid.* Aboghodda.com, *op.cit.*

(m. 1402H), Sheikh Maḥmūd ibn Muhammad Syaṭṭūt (m. 1383H/1963M), Sheikh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf (m. 1375H/1956M), Sheikh Muhammad Abū Zuhrah (m. 1395H/1974M), Sheikh ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (m. 1398H/1978M) dan lain-lainnya.¹⁵

Selain mereka yang tersebut, Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ juga banyak belajar dan menadab kitab dengan ulama-ulama lain di luar Universiti al-Azhar di atas inisiatif dan kecintaannya yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan. Di antara mereka itu ialah: Sheikh Muhammad al-Khiḍr Ḥusayn al-Tūnisī (m. 1377H/1958M). Sheikh Muṣṭafā Ṣabrī (m. 1373H/1954M). Sheikh Muhammad Zāhid al-Kawtharī (m. 1371H/1952M). Sheikh ‘Abd Allāh ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī (m. 1413H). Sheikh Aḥmad ibn ‘Abd al-Raḥmān al-Bannā al-Sā‘ātī (m. 1375H/1958M), Sheikh Aḥmad ibn Muhammad Shākīr (m. 1383H/1963M) dan lain-lainnya.¹⁶

Antara perkara penting berhubung pengaruh yang membentuk pemikiran Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ yang perlu disebutkan dalam tempoh pengajian beliau di Mesir ialah perdampingan beliau dengan tokoh islah dan pengasas gerakan *Ikhwān al-Muslimīn* yang terkenal, Sheikh Ḥasan al-Bannā (m. 1368H). Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ sering menghadiri pengajian Sheikh Ḥasan al-Bannā yang diadakan pada hari Selasa setiap minggu. Justeru, Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ banyak mempelajari tentang ilmu dakwah daripadanya dan beliau sangat terkesan dengan metode yang digunakan olehnya dalam menyampaikan mesej dan berdakwah.¹⁷ Dikatakan, Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ adalah antara pembawa fikrah Ḥasan al-Bannā ini pulang ke Syria, selain daripada tokoh-tokoh seperti Dr Muṣṭafā al-Sibā‘ī dan Sheikh Sa‘īd Ḥawwā.¹⁸

¹⁵ Aboghodda.com, *ibid*.

¹⁶ Maḥmūd Sa‘īd Mamdūh (1998), *op.cit.*, h. 6.

¹⁷ *Ibid*.

¹⁸ IkhwanOnline.net, <http://ikhwanonline.net/Article.asp?ID=439&SectionID=456#4>, bertarikh 24 Julai 2004.

Berkhidmat Kepada Masyarakat

Meneliti personaliti Sheikh ‘Abd al-Fattāh, beliau memang memiliki ciri-ciri ulama yang boleh dianggap sebagai *‘ālim rabbānī* yang mengamal dan menyebarkan ilmunya kepada masyarakat. Dalam membincangkan khidmat dan sumbangan beliau kepada masyarakat, penulis akan membahagikannya kepada tiga bahagian, iaitu :

- i. Sebagai pendidik.
- ii. Sebagai pendakwah.
- iii. Sebagai ahli politik.

i. Sebagai Pendidik

Bidang pendidikan merupakan bidang yang amat diminati oleh Sheikh ‘Abd al-Fattāh. Setelah beliau menyempurnakan pengajian di Universiti al-Azhar, beliau pun berangkat pulang ke Halab, Syria. Pada tahun 1951, beliau telah mendaftar temuduga pemilihan calon bagi jawatan guru pendidikan Islam di bawah Kementerian Pelajaran Syria. Beliau adalah antara orang yang berjaya dalam sesi temuduga tersebut, dan kemudian telah dilantik sebagai guru secara rasmi di bawah Kementerian Pelajaran berkenaan. Di tanah tumpah darahnya itu, Sheikh ‘Abd al-Fattāh banyak memberikan khidmatnya kepada masyarakat seperti menyampaikan khutbah, berceramah dan mengajar di beberapa sekolah *thānawī* di Halab. Antara sekolah-sekolah *thānawī* tersebut ialah Sekolah Hanānū, al-Ma’mūn, al-Ṣanā’i, al-Madrasah al-Sha‘bāniyyah yang khusus untuk para imam dan khatib, serta al-Madrasah al-Khusrūwiyyah yang pernah didudukinya dahulu sebagai seorang pelajar. Al-Madrasah al-Khusrūwiyyah ini kemudian ditukar namanya kepada al-Madrasah al-Thānawiyah al-Shar‘iyyah. Beliau turut menyusun beberapa buah kitab pelajaran sebagai sillibus bagi diajarkan di beberapa kelas peringkat *thanawi* bersama-sama dengan Sheikh Aḥmad ‘Izz al-Dīn al-Bayānūnī. Beliau telah mengajar di Halab pada peringkat *thanawi* ini kira-kira sebelas tahun lamanya.¹⁹ Kemudian pada tahun 1962, beliau telah berpindah mengajar ke Universiti Dimasyq

¹⁹ http://www.aboghodda.com/ar_teaching.htm, 1hb. Disember 2004.

di Fakulti Syariah. Di situ beliau mengajar subjek Fiqh Perbandingan, Fiqh Mazhab Hanafi dan juga Usul al-Fiqh dalam tempoh selama tiga tahun. Beliau turut diberi kepercayaan dan diamanahkan tanggungjawab untuk menyunting dan menyambung projek ensiklopedia *Mu‘jam Fiqh al-Muḥallā* karya Imam Ibn Ḥazm al-Zāhiri yang tergendala. Beliau telah menyempurnakan projek tersebut dengan baik, dan kitab tersebut kemudian telah dicetak oleh pihak universiti dalam dua jilid besar.²⁰

Kemudian pada tahun 1965, beliau berhijrah ke Arab Saudi atas tawaran mengajar di Fakulti Syariah di Universiti Islam al-Imām Muhammad ibn Su‘ūd, Riyadh. Di samping mengajar di universiti itu, beliau turut mengajar di Institut Kehakiman Tinggi (*al-Ma‘had al-‘Āli li al-Qaḍā’*) yang khusus bagi bakal para hakim, kadi dan peguam. Setelah itu, beliau diberi kepercayaan untuk mengajar di peringkat sarjana tinggi dalam Fakulti Usuluddin di bawah Jabatan al-Ḥadīth wa ‘Ulūmuh di universiti yang sama. Kariernya sebagai seorang pensyarah di Universiti Islam al-Imām Muhammad ibn Su‘ūd ini merupakan tempoh kariernya yang paling lama, iaitu kira-kira 23 tahun. Sepanjang di universiti itu, Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ mengajar banyak subjek, terutama subjek hadith dan ilmu hadith kepada para pelajar, baik di peringkat sarjana muda mahupun di peringkat sarjana tinggi. Beliau turut bertugas menyelia banyak disertasi dan tesis di peringkat sarjana tinggi baik peringkat Majister (M.A.) mahupun peringkat Doktor Falsafah (Ph.D).²¹ Di sepanjang tugas mengajar di universiti ini, beliau juga pernah dipilih sebagai pensyarah pelawat di Universiti Islam Umm Durmān di Sudan tahun 1396H, Universiti Ṣan‘ā’ di Yaman tahun 1398H, Jāmi‘ah Nadwah al-‘Ulāmā’, Lucknow, India tahun 1399H dan juga di beberapa institusi pengajian lain di India.²² Pada tahun 1989, ketika usianya menjangkau 72 tahun, beliau berpindah pula mengajar di Universiti al-Malik Su‘ūd yang juga terletak di Riyadh. Beliau mengajar di situ selama dua tahun sehinggalah akhirnya beliau memohon bersara dari tugas pendidikan pada tahun 1991. Kariernya sebagai seorang pendidik dalam tempoh lebih kurang 40 tahun lamanya, menjadikan Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ

²⁰ *Ibid.*

²¹ Aboghodda.com, *ibid.* Muḥammad ‘Abd Allāh Al Rashīd (1999), *op.cit.*, h. 161.

²² *Ibid.*

seorang tokoh pendidikan yang berpengalaman luas yang disegani dan dihormati oleh masyarakat sekeliling.

Sheikh 'Abd al-Fattāḥ merupakan seorang pencinta ilmu. Beliau sentiasa memberikan perhatian khas dalam menyedarkan masyarakat akan kepentingan ilmu dan menggalakkan mereka agar sentiasa menimba ilmu, di samping memelihara adab-adabnya. Pemikiran ini juga diutarakan, antara lain dengan mengetengahkan teladan-teladan yang telah ditunjukkan oleh Nabi s.a.w. dan ulama-ulama terdahulu. Beliau telah menulis dan menerbitkan beberapa kitab yang berkaitan dengan perkara tersebut, iaitu *al-Rasūl al-Mu'allim wa Asālibuh fi al-Ta'lim* (Rasul Pendidik dan Metodenya Dalam Pendidikan), *Ṣafahāt min Ṣabr al-'Ulamā' 'ala Shadā'id al-'Ilm wa al-Taḥṣīl* (Lembaran-Lembaran Dari Kisah Kesabaran Para Ulama Dalam Menimba Ilmu), *al-'Ulamā' al-'Uzzāb Alladhīn Ātharū al-'Ilm 'ala al-Zawāj* (Para Ulama Bujang yang Mengutamakan Ilmu Daripada Berkahwin), *Qīmah al-Zaman 'ind al-'Ulamā'* (Nilai Masa di Sisi Para Ulama), *Manhaj al-Salaf fi al-Su'āl 'an al-'Ilm wa fi Ta'allum mā Yaqa' wa mā Lam Yaqa'* (Metod Para Salaf Dalam Bertanya dan Dalam Mempelajari Masalah yang Telah Berlaku dan yang Belum Berlaku), dan *Namādhij min Rasā'il A'immah al-Salaf wa Adabihim al-'Ilmī* (Beberapa Contoh Surat Imam-Imam Para Salaf dan Adab Ilmu Mereka).

ii. Sebagai Pendakwah

Bidang dakwah merupakan tugas yang perlu dipikul oleh para ulama yang menjadi pewaris para nabi a.s. Perdampingan Sheikh 'Abd al-Fattāḥ dengan Imam Ḥasan al-Bannā, tokoh dakwah yang unggul di Mesir sangat memberi kesan di dalam diri beliau, terutama di dalam pemikiran dakwahnya. Beliau telah membawa pemikiran dakwah Imam Hasan al-Banna ini bersama ketika pulang ke Syria. Beliau telah memikul tanggungjawab menyampaikan dakwah ini dengan penuh aktif dan gigih. Akhlak dan peribadi beliau yang unggul dan disenangi oleh masyarakat sekeliling amat membantu beliau dalam menjalankan tugas berdakwah. Ramai orang yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat sama ada tua mahupun muda, menjadi anak murid

beliau. Beliau memberikan khutbah Jumaat pada setiap minggu di al-Jāmi‘ al-Ḥamawī, dan kemudiannya di Masjid al-Khusrūwīyah, salah sebuah masjid yang besar di Halab. Setiap selepas solat Jumaat pula, beliau akan mengadakan majlis ilmu kepada umum yang biasanya akan disudahi dengan sesi soal jawab mengenai isu-isu agama dan semasa.²³

Selain hari Jumaat, beliau juga menyampaikan kuliah-kuliah agama di beberapa masjid sekitar Halab. Pada hari Khamis, beliau akan menyampaikan kuliah hadith dan akhlak di Masjid Sayf al-Dawlah di antara waktu maghrib dan isyak. Pada hari Isnin pula, beliau akan menyampaikan kuliah fiqh di Masjid Zakī Bāsyā al-Mudarris juga di antara waktu maghrib dan isyak. Beliau turut menyampaikan kuliah sirah nabawīyah secara berkala di Masjid al-Ṣiddīq. Selain itu, beliau turut melibatkan diri dalam perjumpaan bersama para ulama dan para pengajar agama yang diadakan secara berkala di Halab bagi membincangkan isu-isu masyarakat dan pendidikan.²⁴

Di sepanjang tugas mengajar di Universiti Islam al-Imām Muhammad Ibn Su‘ūd di Riyadh pula, Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ banyak menyertai seminar-seminar dan muktamar-muktamar ilmiah yang diadakan di pelbagai tempat di seluruh dunia Islam, malah hingga ke Eropah, Amerika, Kanada dan sebagainya.²⁵ Beliau turut diberi kepercayaan untuk mewakili ulama Syria di dalam *al-Majlis al-Ta’sīsī* bagi *Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī* (Ikatan Dunia Islam) selepas kematian Sheikh Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī (m.1398H), yang berperanan menyebarkan dakwah Islam dan membincangkan isu-isu umat Islam. Beliau telah melaksanakan tanggungjawab itu dengan baik dan jawatan tersebut dipegang oleh beliau sehinggalah ke akhir hayatnya.²⁶

Kesibukan Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ dalam menggembeleng tenaga untuk mendidik dan membimbing masyarakat ke arah kesempurnaan hidup beragama, jelas menunjukkan bahawa beliau merupakan seorang pendakwah sejati yang menjadikan kerja tersebut sebagai matlamat hidupnya. Sifat keikhlasan dan pengorbanan beliau ini amat

²³ *Ibid.* http://www.aboghodda.com/ar_teaching.htm, 1hb. Disember 2004.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.* Muḥammad ‘Abd Allāh Al Rashīd (1999), *op.cit.*, h. 161.

disanjung oleh masyarakat sekeliling dan dikagumi oleh mereka yang mengenalinya baik secara dekat mahupun jauh.

iii. Sebagai Ahli Politik

Sheikh 'Abd al-Fattāh turut mempunyai peranan aktif di dalam jemaah Ikhwān al-Muslimīn di Halab dan merupakan salah seorang pemimpin di dalam jemaah Ikhwān al-Muslimīn Syria. Beliau pernah terlibat di dalam arena politik Syria di bawah parti Ikhwān al-Muslimīn. Di dalam tahun 1962, beliau telah terpilih sebagai salah seorang ahli Parlimen Syria dengan majoriti yang besar sebagai wakil penduduk Halab.²⁷ Beliau telah memikul tanggungjawab tersebut kerana cita-citanya ingin mempraktikkan syariat Islam di kalangan masyarakat. Beliau berusaha dengan gigih untuk memartabatkan syariat Islam bersama rakan-rakannya di dalam majlis parlimen, meskipun mereka banyak menghadapi tentangan dan halangan daripada pihak yang tidak mahu melihat pelaksanaan syariat Islam di Syria.²⁸

Bagaimanapun, disebabkan oleh revolusi pihak tentera yang dipimpin oleh Hafiz Asad, parlimen telah dibubarkan. Revolusi yang berlaku ini amat mendukacitakan Sheikh 'Abd al-Fattāh dan merupakan tamparan hebat buat parti Ikhwān al-Muslimīn. Oleh kerana tekanan politik yang kuat, pada tahun 1965 (1385H), Sheikh 'Abd al-Fattāh telah meninggalkan arena politik Syria selepas menerima tawaran bertugas sebagai tenaga pengajar di Universiti Islam al-Imām Muhammad ibn Su'ūd, Arab Saudi. Beliau menerima tawaran tersebut dan berpindah dari tanah airnya ke Arab Saudi untuk bertugas di universiti berkenaan. Pada musim panas tahun 1966, apabila beliau pulang semula ke Syria untuk bercuti, secara mengejut beliau telah ditangkap dan dimasukkan ke dalam penjara bersama beberapa orang tokoh ilmunan dan politik lain. Mereka telah dimasukkan ke dalam penjara perang di daerah Tadmur yang berpadang pasir, berdekatan dengan bandar Hims. Kesemua mereka telah ditahan tanpa bicara dalam tempoh sebelas bulan lamanya. Namun akhirnya, pada bulan Jun tahun 1967, di atas sebab tertentu kerajaan

²⁷ *Ibid.*,h. 10-11. http://www.aboghodda.com/ar_teaching.htm, 1hb. Disember 2004.

²⁸ *Ibid.*

Syria telah membebaskan kesemua tahanan politik, termasuklah Sheikh ‘Abd al-Fattāh.²⁹

Disebabkan oleh mainan politik yang kotor, beliau terus meninggalkan kancan politik dan hanya menumpukan usaha dan perhatiannya kepada bidang ilmu dan dakwah yang berterusan sehinggalah ke akhir hayat beliau. Beliau juga pernah berkali-kali diminta oleh rakan-rakan seperjuangannya untuk mengisi jawatan *al-Murāqib al-‘Ām* di dalam jemaah Ikhwān al-Muslimīn Syria. Meskipun merasa enggan beliau terpaksa juga menyambut desakan tersebut kerana rasa tanggungjawab terhadap kepimpinan jemaah. Beliau telah memikul tanggungjawab sebagai *al-Murāqib al-‘Ām* bagi jemaah Ikhwān al-Muslimīn Syria sebanyak dua kali, iaitu antara tahun 1972-1976 dan tahun 1986-1990.³⁰ Beliau akan melepaskan jawatan tersebut sebaik sahaja memperolehi peluang untuk memberikannya kepada orang lain kerana ingin lebih menumpukan usahanya terhadap bidang ilmu dan penulisan.³¹

Dalam gerakan Ikhwān al-Muslimīn, kedudukan Sheikh ‘Abd al-Fattāh di Halab sebenarnya sama seperti kedudukan Sheikh Muhammad al-Ḥāmid (m.1969M) di Hamāh, Dr. Muṣṭafā al-Sibā‘ī (m.1964M) di Damsyik, dan Sheikh Muhammad ‘Ali Mish‘al di Hims.³² Beliau memilih cara sederhana dalam membimbing golongan muda di dalam gerakan Ikhwān al-Muslimīn. Beliau sering mengingatkan mereka agar tidak bersikap emosional dan melampaui batas, serta menggalakkan mereka agar mengikuti metode Rasulullah s.a.w. dalam berdakwah dan bersabar dengan cabaran yang dihadapi. Di samping menyeru mereka agar sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya kerana ia memberi manfaat baik di dunia mahupun di akhirat.³³

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Salmān Abū Ghuddah (2003), *op.cit.*, h. 20.

³¹ *Ibid.* Jawatan *al-Murāqib al-‘Ām* pertama diserahkan kepada ‘Adnān Sa’d al-Dīn, dan jawatan *al-Murāqib al-‘Ām* yang kedua diserahkan kepada Dr. Ḥasan al-Huwaydī.

³² Abdullah al-Aqil (2003), *Mereka Yang Telah Pergi (Min A’lām al-Ḥarakah wa al-Da’wah al-Islāmiyyah al-Mu’āṣarah)*, terj. Khozin Abu Faqih & Fachruddin, Jakarta: al-I’tishom Cahaya Umat, h. 619.

³³ *Ibid.*, h. 622-623.

Penghijrahan Beliau ke Arab Saudi

Penghijrahan ke Arab Saudi sebenarnya merupakan satu perubahan penting dalam hidup Sheikh ‘Abd al-Fattāh kerana kebebasan dan prasarana yang lebih baik banyak membantu dalam kegiatan dakwah serta usaha penyelidikan dan pengkaryaan beliau. Seperti yang telah disebutkan, pada tahun 1965, beliau telah berpindah dari tanah airnya ke Arab Saudi kerana tawaran bertugas di Universiti Islam al-Imām Muhammad Ibn Su‘ūd. Tawaran tersebut sebenarnya adalah pelawaan dari Mufti Arab Saudi ketika itu, Sheikh Muhammad ibn Ibrāhīm Āl Shaykh yang diterima baik oleh beliau.³⁴ Pelawaan ini merupakan satu penghormatan bagi Sheikh ‘Abd al-Fattāh serta pengiktirafan daripada Sheikh Muhammad ibn Ibrāhīm Āl Shaykh terhadap ilmu dan kewibawaannya.³⁵

Tugas pengajaran beliau pernah tergendala sebentar apabila beliau dimasukkan ke dalam penjara ketika beliau pulang semula ke Syria pada tahun 1966. Setelah dibebaskan, beliau pulang semula ke Arab Saudi, dan meneruskan kariernya sebagai tenaga pengajar di Fakulti Syariah, Universiti al-Imām Muhammad ibn Su‘ūd di Riyadh. Di universiti ini, Sheikh ‘Abd al-Fattāh banyak memberi tumpuan mengajar subjek hadith dan ilmu hadith kepada para pelajar di peringkat sarjana muda dan sarjana tinggi, di samping menyelia banyak tesis bagi sarjana tinggi. Di samping itu, beliau juga mengajar di Institut Kehakiman Tinggi yang baru diasaskan khusus bagi bakal para hakim, kadi dan peguam³⁶.

Sejak tahun 1965 hinggalah tahun 1988, beliau banyak terlibat dalam merancang kurikulum dan pembangunan universiti. Beliau turut terpilih sebagai salah seorang anggota al-Majlis al-‘Ilmī di dalamnya. Peranan dan prestasinya yang cemerlang di dalam melicinkan program dan aktiviti universiti ini menerima banyak pujian dan penghargaan

³⁴ Muḥammad ‘Abd Allāh Āl Rashīd (1999), *op.cit.*, h. 161.

³⁵ Sheikh ‘Abd al-Fattāh juga amat menghormati dan mengkagumi keilmuan Sheikh Muḥammad ibn Ibrāhīm Āl Shaykh, yang beliau sendiri telah merakamkan biografinya di dalam kitab *Tarājim Sittah min Fuqahā’ al-‘Alām al-Islāmī fi al-Qarn al-Rābi’ ‘Asyar wa Ātharuhum al-Fiqhiyyah*

³⁶ Aboghodda.com, *op.cit.* Muḥammad ‘Abd Allāh Āl Rashīd (1999), *op.cit.*, h. 161.

daripada pihak pentadbiran universiti, terutama daripada Sheikh ‘Abd al-‘Azīz ibn Muhammad Āl Shaykh dan Dr. ‘Abd Allah ibn ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī. Beliau juga menerima sanjungan yang baik daripada Sheikh Muhammad ibn Ibrāhīm Āl Shaykh dan juga Menteri Pelajaran Arab Saudi pada masa itu, al-Marḥūm Ḥasan ibn ‘Abd Allāh Āl Shaykh.³⁷

Beliau kemudian berpindah pula mengajar di Universiti al-Malik Su‘ūd yang juga terletak di Riyadh. Beliau terus dengan kariernya mendidik dan mengajar di Riyadh ini sehinggalah ke tahun 1411 Hijrah bersamaan tahun 1991 Masehi,³⁸ di mana pada tahun tersebut beliau telah memohon bersara daripada tugas pendidikan yang diceburi sejak muda. Pada masa ini usianya sudah mencecah kira-kira 74 tahun. Selepas bersara beliau terus tinggal di Riyadh bersama dengan keluarganya. Persaraan ini memberikan beliau lebih banyak masa untuk menumpukan perhatian dan usahanya terhadap kerja-kerja pentahkikan dan penulisan.

Pada tahun 1995, beliau telah menerima jemputan dari Presiden Syria, Ḥāfīz al-Asad melalui pesanan dari Sheikh Muhammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī untuk pulang semula ke Syria setelah sekian lama beliau berada di Arab Saudi. Beliau menyambut baik jemputan tersebut dan telah berangkat ke Syria untuk melihat tanah airnya setelah sekian lama meninggalkannya, tanpa menyedari bahawa kepulangannya itu merupakan lawatan buat kali terakhir.³⁹ Ketika berada di Syria itu, beliau telah mengadu sakit mata, lalu pada bulan Disember tahun 1996 beliau kembali semula ke Riyadh kerana mengalami masalah penglihatan yang serius bagi menerima rawatan.⁴⁰

³⁷ Aboghodda.com, *ibid*.

³⁸ *Ibid.*, h. 11. http://www.aboghodda.com/ar_teaching.htm, 1hb. Disember 2004.

³⁹ http://www.aboghodda.com/ar_returntosyria.htm

⁴⁰ http://www.aboghodda.com/ar_death.htm

Rihlah 'Ilmiyyah dan Ulama-Ulama Yang Ditemui

Rihlah 'ilmiyyah (kunjungan-kunjungan ilmiah) demi menimba ilmu pengetahuan merupakan tradisi yang dilakukan oleh para ulama Islam sejak zaman awal Islam lagi. Mereka sanggup menempoh kesukaran dan kesusahan hingga mengembara beribu-ribu batu jauhnya demi mendapatkan ilmu pengetahuan, di samping bertujuan mencari keredaan Allah s.w.t. Bagaimanapun, tradisi tersebut semakin lama semakin berkurangan dan beransur hilang bersama-sama perubahan keadaan dan zaman, apatah lagi apabila kesemua ilmu Islam sudah mula mencapai tahap matang dan tidak menjadi satu kesukaran lagi bagi para penuntut ilmu untuk mencarinya. Meskipun demikian, masih ada segelintir kecil dari kalangan ulama mutakhir yang masih meneruskan tradisi ini.

Sheikh 'Abd al-Fattāh banyak melakukan *Rihlah 'ilmiyyah* (kunjungan-kunjungan ilmiah) ke banyak negeri sama ada melalui pembiayaan peribadi mahupun pembiayaan pihak yang menjemput beliau. *Rihlah 'ilmiyyah* ini telah menambah dan meluaskan lagi pengalaman dan ilmu pengetahuannya. Beliau pernah tinggal di Mesir ketika menuntut di Universiti al-Azhar, beliau juga pernah berkunjung ke Jordan, Emiriah Arab Bersatu, Bahrain, Tunisia, Algeria, Sudan, Iraq, Turki, Palestin, Qatar, Kuwait, Lubnan, Maghribi, Uzbekistan, India, Pakistan, Brunei dan beberapa negara lagi. Beliau juga pernah berkunjung ke negara-negara Barat seperti Jerman, Amerika, Itali, Britain, Perancis, Kanada, Holand dan Switzerland. Di setiap kunjungan ini, di samping bertemu dengan para alim ulama dan para penuntut ilmu, beliau juga amat memberi perhatian untuk menziarahi perpustakaan-perpustakaan yang ada menyimpan manuskrip-manuskrip Arab lama.⁴¹ Sheikh 'Abd al-Fattāh mempunyai minat yang mendalam terhadap pengumpulan kitab-kitab. Beliau sanggup mencari atau mendapatkan maklumat tentang kitab-kitab tersebut sama ada yang telah dicetak ataupun yang masih berbentuk manuskrip walau di mana sekalipun ia berada. Beliau banyak menghabiskan masa, tenaga dan harta untuk memperolehinya sehingga terkumpullah sejumlah besar di dalam simpanan beliau kitab-kitab yang sangat berharga dan manuskrip-manuskrip kitab yang begitu

⁴¹ http://www.aboghodda.com/ar_travels.htm, 1hb. Disember 2004.

nadir.⁴²

Bagaimanapun, tidaklah semua kunjungan dan lawatan beliau ke negara-negara tersebut di atas sebab-sebab peribadi kerana sebahagiannya adalah di atas sebab menghadiri jemputan majlis rasmi atau tugas rasmi. Justeru, kunjungan-kunjungan beliau ini dilihat sama ada berbentuk ilmiah, iaitu bertujuan untuk bertemu dengan para ulama, menyelidik dan mencari ilmu, mencetak karya-karyanya serta menziarahi perpustakaan-perpustakaan tertentu, atau berbentuk dakwah, iaitu untuk menghadiri muktamar-muktamar dan seminar-seminar, menyampaikan kuliah dan ceramah ataupun dakwah umum.

Kunjungannya ke Somalia pada tahun 1963 (1383H) dianggap kunjungannya yang pertama di luar dari kawasan Timur Tengah. Kunjungan beliau ini adalah bagi menghadiri sebuah muktamar Islam yang diadakan di sana.⁴³ Beliau juga pernah beberapa kali ke Maghribi di atas jemputan al-Malik al-Ḥasan al-Thānī untuk menyampaikan salah satu kuliah *al-Durūs al-Ḥasaniyyah* yang diadakan oleh baginda di setiap bulan Ramadan. Kali pertamanya ialah pada tahun 1963 dan kali terakhirnya pada tahun 1986. Pada kali pertama, beliau telah sempat bertemu dengan Sheikh ‘Abd al-Ḥafīz ibn al-Ṭāhir al-Fāsī (m. 1383H) salah seorang ulama besar Maghrib sebelum beliau meninggal dunia, dan mereka saling bertukar ijazah.⁴⁴ Antara ulama-ulama Maghribi lain yang pernah ditemuinya ialah: Sheikh Muhammad ‘Abd al-Ḥay ibn ‘Abd al-Kabīr al-Kattānī (m. 1382H), dan Sheikh Aḥmad ibn Muhammad ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī (m. 1360H).⁴⁵

Antara tahun 1968 dan 1978, beliau sering ke Lubnan pada musim panas bagi mencetak, memantau dan menerbitkan kitab-kitabnya. Beliau juga pernah ke Emiriah Arab Bersatu beberapa kali dan siri ceramahnya telah disiarkan di kaca televisyen negara berkenaan. Beliau mengunjungi Algeria pada tahun 1984 (1404H) di atas jemputan Kementerian Wakafnya untuk menyampaikan beberapa siri ceramah. Di

⁴² *Ibid.* http://www.aboghodda.com/ar_publications.htm, 1hb. Disember 2004.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Maḥmūd Sa‘īd Mamdūḥ (1998), *op.cit.*, h. 9.

sana beliau telah bertemu dengan Sheikh Aḥmad Suḥnūn, seorang tokoh ulama besar Algeria. Beliau juga pernah ke Qatar sebagai pensyarah pelawat di Markaz al-Sunnah, Universiti Qatar, yang dipimpin oleh Dr. Yūsuf al-Qaradāwī, di samping memberikan khutbah Jumaat dan ceramah di beberapa masjidnya di sana. Beliau juga beberapa kali berkunjung ke Turki pada musim panas dan menziarahi banyak perpustakaan-perpustakaan di sana. Kunjungannya yang terakhir ialah pada musim panas tahun 1996 di atas jemputan menghadiri sebuah muktamar pendidikan di Qawniyyah, Turki. Beliau turut mengunjungi Bukhara, Samarqand dan Tashkent pada tahun 1994 di dalam satu *riḥlah 'ilmiyyah* dengan ditemani oleh anaknya, Salmān Abū Ghuddah dan anak muridnya, Muhammad 'Abd Allah al-Rasyīd. Pada tahun 1996, beliau telah dijemput oleh Sultan Brunei, Sultan Haji Hassanal Bolkiaah bagi menghadiri majlis penerimaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiaah bagi tahun 1996 di dalam bidang pengajian al-Quran yang diterima oleh Dr. Muhammad 'Adnān Zarzūr dan Dr. Aḥmad Muhammad Kharrāṭ. Dalam kesempatan tersebut, beliau telah menziarahi Universiti Brunei dan juga Dār Taḥfīz al-Qur'ān al-Karīm di sana.⁴⁶

Antara *riḥlah 'ilmiyyah* beliau yang penting ialah kunjungan beliau ke India dan Pakistan. Ini kerana ia banyak mempengaruhi kehidupan ilmiah beliau, khususnya di dalam kerja-kerja penyelidikan dan penulisannya. Beliau sebenarnya sejak muda sudah lama menyimpan hasrat untuk menziarahi ulama-ulama India dan Pakistan. Hasrat tersebut adalah kesan dari perdampingannya dengan Sheikh Muhammad Zāhid al-Kawtharī yang banyak memuji-muji usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka di dalam bidang hadith dan Fiqh Hanafi. Sheikh Muhammad Zāhid al-Kawtharī sendiri mempunyai hubungan yang erat dengan ulama-ulama di Madrasah Deoband, India. Maka pada tahun 1963 (1382H), barulah beliau dapat melaksanakan hasratnya itu apabila beliau akhirnya dapat sampai ke India dan bertemu dengan ulama-ulama di sana.⁴⁷ Pada masa itu, beliau telah mengikut salah satu perjalanan kumpulan Jamā'ah al-Tablīgh di Halab yang kebetulan akan berangkat

⁴⁶ *Ibid.* http://www.aboghodda.com/ar_publications.htm

⁴⁷ *Ibid.*, h. 7-8. *Ibid.*, http://www.aboghodda.com/ar_travels.htm. 1hb. Disember 2004.

ke Pakistan. Namun, kerana sistem pengangkutan yang belum secanggih seperti sekarang, mereka telah menempuh perjalanan darat yang amat jauh. Daripada Halab, mereka telah menuju ke Baghdad, Iraq, dan kemudiannya bertolak pula ke Basrah. Daripada Basrah pula, mereka menaiki kapal laut untuk ke Karachi, Pakistan. Kunjungan beliau ke India dan Pakistan ini telah mengambil masa selama tiga bulan lamanya. Di sana beliau telah menemui ramai ulama-ulama besar India seperti⁴⁸: Al-Sayyid Abū al-Ḥasan ‘Ali al-Ḥasanī al-Nadwī (m.1420H/1999M), Sheikh Zafar Aḥmad al-Tahānawī (m.1394H/1974M). Sheikh Muhammad Yūsuf al-Binnūrī (m.1397H/1977M), Sheikh Muhammad Shafī‘ al-Deobandī (m.1396H/1976M). Sheikh Ḥabīb al-Raḥmān al-A‘zamī (m.1412H/1992M).⁴⁹ Sheikh Abū al-Wafā’ Maḥmūd Shāh al-Afghānī (m.1395H/1975M), Sheikh Muhammad Yūsuf al-Kandahlawī (m.1384H/1964M), Sheikh Muhammad Zakariyyā al-Kandahlawī (m.1402H/1982M), Sheikh Muhammad ‘Abd al-Rashīd al-Nu‘mānī (m.1420H/1999M), Abū al-A‘lā al-Mawdūdī (m.1399H/1979M), dan lain-lain.

Beliau bukan sahaja memperolehi banyak manfaat daripada mereka, bahkan juga memperolehi banyak manafaat daripada perpustakaan-perpustakaan di sana yang banyak menyimpan kitab-kitab nadir dan manuskrip-manuskrip lama. Kunjungan-kunjungan beliau ke India dan Pakistan yang dilakukan pada masa-masa berikutnya banyak memberi kesan terhadap suasana akademik di dunia Arab. Ini kerana mereka yang tidak tahu sama sekali perkembangan akademik di India dan Pakistan mula membuka mata apabila beliau menerbitkan dan menonjolkan kitab-kitab ulama dari benua India itu, seperti kitab-kitab Imam ‘Abd al-Ḥay al-Laknawī, Imam Muḥammad Anwār Shāh al-Kashmīrī, Sheikh Zafar Aḥmad al-Tahānawī, serta lain-lain lagi.

Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ juga pernah menemui ramai ulama-ulama lain yang tinggal di Makkah dan Madinah. Antara mereka ialah: Sheikh al-‘Arabī al-Tabbānī al-Suṭayfī al-Mālikī (m. 1390H). Sheikh ‘Alawī ibn ‘Abbās ibn ‘Abd al-‘Azīz al-Mālikī al-Ḥasanī (m. 1391H). Sheikh Ḥasan ibn Muḥammad al-Masysyāṭ al-Mālikī (m.1399H). Sheikh

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Ibid.*, h. 8.

Muḥammad Nūr ibn Sayf ibn Hilāl al-Muḥayrī al-Mālikī (m.1403H). Sheikh Muḥammad Yaḥyā Amān al-Ḥanafī (m.1387H). Sheikh Muhammad Yāsīn ibn Muḥammad 'Īsā al-Fādānī al-Shāfi'ī (m.1410H). Sheikh Muḥammad Badr 'Ālam al-Mirtahī dan Sheikh Ibrāhīm ibn Sa'd Allāh al-Khutunī (m. 1389H).⁵⁰

Sheikh 'Abd al-Fattāḥ mempunyai guru yang ramai. Beliau telah mengambil ijazah hadith daripada lebih seratus orang ulama daripada daerah Syam, Hijjaz, Mesir, Turki, India dan juga Pakistan.⁵¹ Jumlah guru-guru beliau ini, sama ada yang beliau belajar dengan mereka atau menerima ijazah daripada mereka telah dihimpunkan oleh anak murid beliau, Sheikh Muḥammad 'Abd Allāh al-Rashīd di dalam sebuah kitab yang diberi judul *Imdād al-Fattāḥ bi Asānīd wa Marwiyyāt al-Shaykh 'Abd al-Fattāḥ* yang jumlah mereka didapati mencecah bilangan 183 orang guru kesemuanya.⁵²

Karya-Karya Sheikh 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah

Sheikh 'Abd al-Fattāḥ merupakan seorang ulama yang prolific dalam bidang pengkaryaan. Karya-karya Sheikh 'Abd al-Fattāḥ agak besar jumlahnya yang merangkumi kitab-kitab yang ditahkik, diselia, disunting dan diselenggarakan oleh beliau, serta buku-buku yang merupakan hasil karangan beliau sendiri. Dikatakan ianya berjumlah hampir 100 buah buku yang meliputi pelbagai bidang ilmu agama seperti tauhid, fiqh, hadith, 'ulūm al-ḥadīth, 'ilm al-rijāl, 'ulūm al-Qur'ān, bahasa Arab, akhlak, pendidikan dan juga sejarah. Meskipun beliau merupakan lulusan bidang Syariah dari Universiti al-Azhar, namun kebanyakan karya-karyanya adalah di dalam bidang hadith dan sains hadith yang menjadi tumpuan beliau. Karya-karya beliau ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian utama seperti berikut :

- i. Karya-karya ulama yang ditahkik, atau diselia, atau disunting oleh Sheikh 'Abd al-Fattāḥ.

⁵⁰ *Ibid.*, h. 8-9.

⁵¹ *Ibid.*, h. 10.

⁵² Muḥammad 'Abd Allah Āl Rashīd (1999), *op.cit.*, h. 247-267.

- ii. Karya-karya susunan dan karangan Sheikh ‘Abd al-Fattāh sendiri.

Kitab-kitab yang ditahkik atau diselia atau disunting oleh Sheikh ‘Abd al-Fattāh

Bahagian ini merupakan bahagian yang paling banyak bilangannya berbanding dengan bahagian yang kedua. Penulis akan membahagikan bahagian ini menurut bidang-bidang ilmu berikut.

a) Ḥadīth dan ‘Ulūm al-Ḥadīth:

1. *Al-Raf‘ wa al-Takmīl fi al-Jarḥ wa al-Ta’dīl* oleh Imam ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī (m.1304H).
2. *Al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As’ilah al-‘Asharah al-Kāmilah* oleh Imam ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī, dengan ulasan Sheikh ‘Abd al-Fattāh bertajuk: *al-Ta’liqāt al-Ḥāfilah ‘ala al-Ajwibah al-Fāḍilah*.
3. *Al-Taṣrīḥ bi mā Tawātar fi Nuzūl al-Masīḥ* oleh Sheikh Muḥammad Anwār Shāh al-Kashmīrī (m.1352H).
4. *Qā’idah fi al-Jarḥ wa al-Ta’dīl wa Qā’idah fi al-Mu’arrikhīn* oleh al-Ḥāfiẓ Taj al-Dīn al-Subkī (m.771H).
5. *Al-Manār al-Munīf fi al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa’if* oleh Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m.751H).
6. *Al-Maṣnū‘ fi Ma’rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū‘* oleh Mullā ‘Alī al-Qārī (m.1014H).
7. *Khulāṣah Tahdhīb al-Kamāl fi Asmā’ al-Rijāl* oleh al-Ḥāfiẓ al-Khazrajī. (m.923H)
8. *Qawā’id fi ‘Ulūm al-Ḥadīth* oleh Mawlānā Ḍafar Aḥmad al-Tahānawī al-Hindī (m.1394H), guru kepada Sheikh ‘Abd al-Fattāh.
9. *Al-Mutakallimūn fi al-Rijāl* oleh al-Ḥāfiẓ al-Sakhāwī (m.902H).

10. *Dhikr Man Yu'tamad Qawluh fi al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* oleh al-Ḥāfiẓ al-Dhahabī (m.748H).
11. *Al-Mūqīzah fi 'Ilm Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* oleh al-Ḥāfiẓ al-Dhahabī.
12. Indeks Kitab *Sunan al-Imām al-Nasā'ī*.
13. *Qafw al-Athar fi Ṣafw 'Ilm al-Athar* oleh Ibn al-Ḥanbalī al-Ḥalabī al-Ḥanafī (m.971H).
14. *Bulghah al-Arīb fi Muṣṭalaḥ Āthār al-Ḥabīb* oleh al-Ḥāfiẓ Muḥammad al-Murtaḍā al-Zabīdī (m. 1205H).
15. *Jawāb al-Ḥāfiẓ al-Mundhirī 'an As'ilah fi al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*.
16. *Al-Tahrīr al-Wajīz fi mā Yabtaghīh al-Mustajīz* oleh Sheikh Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (m. 1371H).
17. *Tawjīh al-Nazar ilā Uṣūl al-Athar* oleh Sheikh Ṭāhir al-Jazā'irī (m. 1338H).
18. *Zafar al-Amānī fi Sharḥ Mukhtaṣar al-Sayyid al-Syarīf al-Jurjānī* oleh Imam 'Abd al-Ḥayy al-Laknawī.
19. *Shurūṭ al-A'immah al-Khamsah* oleh al-Ḥāfiẓ al-Ḥāzimī (m. 584H).
20. *Shurūṭ al-A'immah al-Sittah* oleh al-Ḥāfiẓ Ibn Ṭāhir al-Maqdisī (m. 507H).
21. *Risālah al-Imām Abī Dāwūd ila Ahl Makkah fi Wasf Sunanīh*.
22. *Al-Imām Ibn Mājah wa Kitābuh al-Sunan* oleh Sheikh Muḥammad 'Abd al-Rashīd al-Nu'mānī.
23. *Mabādi' 'Ilm al-Ḥadīth* oleh al-'Allāmah al-Muḥaddith al-Faqīh Shabbīr Aḥmad al-'Uthmānī al-Hindī.
24. *Lisān al-Mizān* oleh al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (m. 852H).

Di bawah judul ; *Khams Rasā'il fī 'Ulūm al-Ḥadīth*, terkandung lima risalah berikut :

1. Pertama, *Muqaddimah al-Tamhīd* oleh al-Ḥāfiẓ Ibn 'Abd al-Barr (m. 463H).
2. Kedua, *Risālah fī Waṣl al-Balāghāt al-Arba'ah fī al-Muwatta'* oleh al-Ḥāfiẓ Ibn al-Ṣalāḥ (m. 643H).
3. Ketiga, *Mā Lā Yasa' al-Muḥaddith Jahluh* oleh al-'Allāmah Abū Hafṣ 'Umar al-Mayyānisiyī (m. 581H).
4. Keempat, *al-Taswiyah bayn Ḥaddathanā wa Akhbaranā* oleh Imam Abū Ja'far al-Ṭaḥāwī (m. 321H).
5. Kelima, *Risālah fī Jawāz Hadhf "Qāl" 'ind Qawlihim Ḥaddathanā* oleh Sheikh Muḥammad ibn Sīs al-Fāsī.

b) *Fiqh dan Uṣūl al-Fiqh:*

1. *Iqāmah al-Ḥujjah 'ala Ann al-Ikthār min al-Ta'abbud Lays bi Bid'ah* oleh Imam al-Laknawī.
2. *Al-Iḥkām fī Tamyīz al-Fatāwā 'an al-Aḥkām wa Taṣarrufāt al-Qāḍī wa al-Imām* oleh Imam Aḥmad ibn Idrīs al-Qarāfī al-Mālikī (m. 684H).
3. *Fath Bāb al-'Ināyah bi Syarḥ Kitāb al-Niqāyah* oleh al-Mullā 'Ali al-Qārī al-Harawī al-Makkī (m. 1014H).
4. *Fiqh Ahl al-'Irāq wa Ḥadīthuhum* oleh Sheikh Muḥammad Zāhid al-Kawtharī.
5. *Al-Bāhir fī Ḥukm al-Nabī s.a.w. bi al-Bāṭin wa al-Zāhir* oleh al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (m. 911H).
6. *Sibāḥah al-Fikr fī al-Jahr bi al-Dhikr* oleh Imam 'Abd al-Ḥay al-Laknawī.
7. *Tuḥfah al-Akhyār bi Iḥyā' Sunnah Sayyid al-Abrār* oleh Imam al-Laknawī.
8. *Nukhbah al-Anzār 'ala Tuḥfah al-Akhyār* oleh Imam 'Abd al-Ḥay al-Laknawī.

9. *Tuḥfah al-Nussāk fi Faḍl al-Siwāk* oleh al-'Allāmah 'Abd al-Ghanī al-Maydānī (m. 1298H).
10. *Kashf al-Iltibās 'ammā Awradah al-Imām al-Bukhārī 'alā Ba 'd al-Nās* oleh al-'Allāmah 'Abd al-Ghanī al-Maydānī.
11. *Risālah fī al-Imāmah* oleh Imam Ibn Ḥazm al-Zāhirī (m. 456H).
12. *Makānah al-Imām Abī Ḥanīfah fī al-Ḥadīth* oleh Sheikh Muḥammad 'Abd al-Rashīd al-Nu'mānī.
13. *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām wa Ba 'd Qawā 'idihimā fī al-Mu'āmalāt al-Māliyyah* oleh Imam Ibn Taymiyyah (m. 728H).
14. Ketiga-tiga risalah di bawah ini dicetak bersekali dengan judul utamanya : *Thalāth Rasā'il fī Istihbāb al-Du'ā' wa Raf' al-Yadayn ba 'd al-Ṣalawāt al-Maktūbah*. Pertama, *al-Tuḥfah al-Marghūbah fī Afḍaliyyah al-Du'ā' ba 'd al-Maktūbah* oleh Sheikh Muḥammad Hāsyim al-Tattawī al-Sindī (m. 1174H).
15. Kedua, *al-Minah al-Maṭlūbah fī Istihbāb Raf' al-Yadayn fī al-Du'ā' ba 'd al-Ṣalawāt al-Maktūbah* oleh Sheikh Aḥmad ibn Muḥammad ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī al-Ḥasanī (m. 1380H).
16. Ketiga, *Sunniyyah Raf' al-Yadayn fī al-Du'ā' ba 'd al-Ṣalawāt al-Maktūbah* oleh al-Sayyid Muḥammad ibn 'Abd al-Rahman al-Ahdal al-Zabīdī (m. 1258H).
17. *Al-Intiqā' fī Faḍā'il al-A'immah al-Thalāthah al-Fuqahā'* oleh Imam Ibn 'Abd al-Barr.

c) Akidah dan Akhlak:

1. *Risālah al-Mustarshidīn* oleh Imam al-Ḥārith ibn Asad al-Muḥāsibī (m. 243H).
2. *Qaṣīdah 'Unwān al-Ḥikam* oleh al-Adīb Abū al-Fattāḥ al-Bustī (m. 400H).
3. *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah allati Yunashsha' 'alayhā al-Ṣighār* oleh Imam Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī (m. 386H).

4. *Al-Ḥath ‘ala al-Tijārah wa al-Ṣinā‘ah wa al-‘Amal* oleh Imam Abū Bakr al-Khallāl al-Ḥanbalī (m. 311H).
5. *Risālah al-Uḫfah bayn al-Muslimīn* oleh Imam Ibn Taymiyyah.
6. *Kitāb al-Kasb* oleh Imam Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī (m. 189H).

a) ‘Ulūm al-Qur’ān:

1. *Al-Tibyān li Ba‘d al-Mabāḥith al-Muta‘alliqah bi al-Qur’ān* oleh al-‘Allāmah Sheikh Ṭāhir al-Jazā’irī al-Dimasyqī (m. 1338H).

b) Kesusasteraan Arab:

1. *Al-Tarqīm wa ‘Alāmātuh fī al-Lughah al-‘Arabīyyah* oleh al-‘Allāmah Aḥmad Zakī Bāsya (m. 1353H).
2. *Taṣḥīḥ al-Kutub wa Ṣun’ al-Fahāris al-Mu‘jamah* oleh Sheikh Aḥmad Muḥammad Shākir (m. 1377H).

Karya-Karya Asli Susunan dan Karangan Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ

Berikut pula adalah karya-karya Sheikh ‘Abd al-Fattāḥ yang merupakan susunan dan karangan beliau sendiri, juga akan dibahagikan menurut bidang-bidang ilmu berikut.

a) Al-Ḥadīth dan ‘Ulūm al-Ḥadīth:

1. *Mas’alah Khalq al-Qur’ān wa Atharuhā fī Ṣufūf al-Ruwāh wa al-Muḥaddithīn wa Kutub al-Jarḥ wa al-Ta’dīl .*
2. *Lamaḥāt min Tārīkh al-Sunnah wa ‘Ulūm al-Ḥadīth.*
3. *Tartīb Takhrīj Aḥādīth al-Iḥyā’* oleh al-Ḥāfīz al-‘Irāqī.
4. *Al-Jam’ wa al-Tartīb li Aḥādīth Tārīkh al-Khaṭīb.*
5. *Umarā’ al-Mu‘minīn fī al-Ḥadīth.*
6. *Al-Isnād min al-Dīn .*
7. *Ṣafḥah Mushriqah min Tārīkh Samā‘āt al-Ḥadīth ‘ind al-Muḥaddithīn.*

8. *Al-Sunnah al-Nabawiyah wa Bayān Madlūlihā al-Syar'ī, wa al-Ta'rīf bi Ḥāl Sunan al-Dāraquṭnī* .
9. *Tahqīq Ismay al-Ṣaḥīḥayn wa Ism Jāmi' al-Tirmidhī* .
10. *Khuṭbah al-Ḥājah Laysat Sunnah fi Mustahal al-Kutub wa al-Mu'allafāt*.

b) Tarikh dan Biografi

1. *Ṣafaḥāt min Ṣabr al-'Ulamā' 'ala Syadā'id al-'Ilm wa al-Taḥṣīl*.
2. *Al-'Ulamā' al-'Uzzāb Alladhīn Ātharu al-'Ilm 'ala al-Zawāj*.
3. *Tarājim Sittah min Fuqahā' al-'Alām al-Islāmī fi al-Qarn al-Rābi' 'Ashar wa Ātharuhum al-Fiqhiyyah* .

c) Tarbiyyah, Akhlak dan Adab:

1. *Qīmah al-Zaman 'ind al-'Ulamā'*.
2. *Min Adab al-Islām*.
3. *Manhaj al-Salaf fi al-Su'āl 'an al-'Ilm wa fi Ta'allum ma Yaqa' wa mā Lam Yaqa'*.
4. *Al-Rasūl al-Mu'allim wa Asālibih fi al-Ta'līm* .
5. *Namādhij min Rasā'il A'immah al-Salaf wa Adabihim al-'Ilmī*.

d) Polemik Ilmiah:

1. *Kalimāt fi Kashf Abāṭil wa Iftirā'āt*.
2. *Akhṭā' al-Duktūr Taqiy al-Dīn al-Nadwī fi Tahqīq Kitāb Ḍafar al-Amānī li al-Laknawī*.

Selain daripada karya-karya yang disebutkan di atas, Sheikh 'Abd al-Fattāḥ masih mempunyai beberapa hasil tulisan dan tahkikan kitab yang belum dicetak dan sedang menanti untuk diterbitkan dengan usaha anak beliau Sheikh Salmān Abū Ghuddah. Selain daripada karya-karya yang disebutkan di atas, Sheikh 'Abd al-Fattāḥ masih mempunyai beberapa hasil tulisan dan tahkikan kitab yang belum dicetak dan sedang menanti untuk diterbitkan dengan usaha anak beliau Sheikh Salmān Abū Ghuddah.

Beberapa Penelitian Terhadap Karya Sheikh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah

Sebahagian besar karya-karya beliau adalah berbentuk tahkikan, seliaan dan suntingan terhadap kitab-kitab ulama lain. Ini bukannya kerana beliau tidak mampu mengarang kitab sendiri, akan tetapi kerana sifat tawaduk dan penghormatannya terhadap ulama-ulama terdahulu menjadikan beliau berpendapat bahawa; ‘menyempurnakan binaan generasi terdahulu adalah seratus kali lebih baik daripada membina binaan baru oleh generasi sekarang’.⁵³ Bagaimanapun, selenggaraan beliau terhadap sebahagian kitab-kitab ulama itu, adakalanya boleh dianggap sebagai sebuah kitab syarah meskipun adakalanya beliau enggan menganggapnya sebagai syarah, sepertimana yang dapat dilihat kepada hasil tahkikannya ke atas kitab *al-Raf‘ wa al-Takmīl fī al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* oleh Imam ‘Abd al-Ḥayy al-Laknawī. Manakala tahkikannya ke atas kitab *al-Ajwibah al-Fāḍilah li al-As‘ilah al-‘Asyarah al-Kāmilah* juga oleh Imam al-Laknawī, beliau memberinya judul “*al-Ta‘līqāt al-Ḥāfilah ‘ala al-Ajwibah al-Fāḍilah*”.

Beliau sangat halus dan teliti di dalam memantau penerbitan kitab-kitabnya sama ada dari segi rupa bentuk mahupun isinya, termasuklah ketepatan bahasa dan pembarisan kalimah. Beliau juga amat mengambil berat di dalam karya-karyanya tentang indeks bagi ayat-ayat al-Quran, hadith-hadith, nama-nama orang, judul-judul kitab dan sebagainya bagi memudahkan para pembaca dan penyelidik. Adakalanya sesebuah kitab yang beliau ingin terbitkan mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk dicetak dan muncul di pasaran. Beliau tidak pernah jemu mengorbankan segala daya usahanya terhadap penyebaran ilmu sehinggalah ke hari-hari akhir hayatnya, meskipun di dalam keadaan usia yang agak lanjut.

Sheikh ‘Abd al-Fattāh juga sering membuat tambahan isi di dalam kitab-kitab yang diterbitkan bagi terbitan-terbitan berikutnya, hinggalah seseorang pembaca akan mendapati perbezaan yang ketara di antara

⁵³ ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah (1987), *Taqdimah al-Raf‘ wa al-Takmīl fī al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*, c. 3, Halab: Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, h. 6.

cetakan terdahulu bagi sesebuah kitab itu dengan cetakan terbaharunya. Kebanyakan karya beliau menerima sambutan yang menggalakkan dari kalangan para ulama dan para ilmuan, hinggalah sesetengahnya telah dicetak berulang-ulang kali. Misalnya, kitab *al-Raf' wa al-Takmil fī al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* oleh Imam al-Laknawī sehingga kini telah dicetak sebanyak lapan kali. Kitab *Risālah al-Mustarshidīn* oleh Imam al-Muḥāsibī sehingga kini telah dicetak sebanyak sepuluh kali. Kitab *Qīmah al-Zaman 'ind al-'Ulamā'* telah dicetak sebanyak sebelas kali. Kitab *Ṣafaḥāt min Ṣabr al-'Ulamā' 'alā Shadā'id al-'Ilm wa al-Taḥṣīl* pula telah dicetak sebanyak tujuh kali.⁵⁴

Jelas daripada senarai kitab yang dipaparkan di atas bahawa kebanyakan kitab-kitab tersebut adalah di dalam bidang pengajian hadith yang merupakan bidang kepakaran beliau, iaitu sekitar 40 judul atau lebih. Malah diakui, sesetengah kitab bagi penulis agak sukar untuk ditentukan klasifikasinya sama ada hadith atau fiqh secara tepat. Ini kerana keduanya saling berkaitan dan berinteraksi antara satu sama lain.

Beliau tidak gemar menerbitkan sebuah kitab yang sudah diterbitkan terlebih dahulu oleh orang lain. Ini kerana baginya ia mensia-siakan waktu yang ada dan membuang tenaga yang sepatutnya digunakan untuk mengusahakan penerbitan kitab-kitab khazanah Islam lain yang masih banyak dalam bentuk manuskrip. Bagaimanapun, adakalanya beliau menerbitkan kitab yang sama yang sudah diterbitkan terlebih dahulu oleh orang lain sekiranya didapati terbitan itu sudah dianggap nadir, atau tidak ditahkik dan diselenggara dengan teliti seperti yang sewajarnya seperti kitab *Zafar al-Amānī fī Sharḥ Mukhtaṣar al-Jurjānī* oleh Imam 'Abd al-Ḥayy al-Laknawī, yang ditahkik oleh Dr. Taqiy al-Dīn al-Nadwī dan *Risālah al-Imām Abī Dāwūd ilā Ahl Makkah fī Wasf Sunanih* yang ditahkik oleh Dr. Muḥammad Luṭfī al-Ṣabbāgh. Antara prinsip beliau juga ialah tidak perlu bagi dua orang membuang masa melakukan kerja yang sama, kerana masih banyak lagi kerja-kerja lain yang masih belum dilaksanakan oleh sesiapa.

⁵⁴ Ini berdasarkan keterangan pada senarai karya beliau di akhir kitab *Ṣafaḥāt min Ṣabr al-'Ulamā' 'alā Shadā'id al-'Ilm wa al-Taḥṣīl*, cetakan ketujuh tahun 2003.

Bahagian Akhir Hayat Beliau dan Kewafatan

Selepas bersara, Sheikh ‘Abd al-Fattāh banyak menghabiskan waktu di rumahnya yang terletak di Riyadh untuk menelaah kitab-kitab. Rutin ini berterusan dengan usianya yang semakin lanjut dan sakitnya yang semakin bertambah, di samping kerja-kerja mentahkik dan menulis serta mengajar di rumahnya itu.⁵⁵ Beliau banyak memerah tenaga dan menghabiskan masa untuk ilmu sehingga menyebabkan penglihatan mata beliau akhirnya menjadi kabur di akhir umurnya. Beliau mula menghadapi masalah penglihatan pada tahun 1989, di mana beliau telah dimasukkan ke dalam Hospital Mata al-Malik Khālid di Riyadh. Selepas rawatan tersebut, beliau terpaksa menggunakan cermin mata khas untuk menelaah dan membaca kitab. Dalam masa ini, isteri beliau, Fāṭimah Dallāl al-Hāshimī amat banyak berkorban dan sentiasa berada di sampingnya untuk membantu beliau di dalam kerja-kerja ilmiah.⁵⁶

Pada bulan Disember tahun 1996 (Syaaban 1417H), beliau mengalami lagi masalah penglihatan yang lebih serius. Lantaran dari itu, Sheikh ‘Abd al-Fattāh telah menjalani pembedahan mata di Hospital Mata Riyadh. Namun, ditakdirkan sesudah pembedahan tersebut kesihatan beliau semakin bertambah buruk. Beliau sering mengalami sakit kepala yang berterusan di akhir-akhir usianya itu. Kemudian, di akhir bulan Ramadhan tahun 1417H tersebut, beliau telah dimasukkan pula ke Hospital Khas al-Malik Fayṣal di Riyadh kerana mengalami sakit perut yang serius. Beliau terus berada di situ sehinggalah beliau menghembuskan nafasnya untuk kali yang terakhir. Beliau telah meninggal dunia pada waktu fajar, hari Ahad 9 haribulan Syawal tahun 1417H, bersamaan 16 Februari tahun 1997 pada usia kira-kira 80 tahun.⁵⁷ Jenazah beliau telah dimandikan oleh anaknya, Sheikh Salmān Abū Ghuddah dan anak muridnya, Sheikh Muhammad ‘Abd Allah al-Rashīd serta disembahyangi di Masjid al-Rājihī di Riyadh. Jenazah beliau kemudian telah dibawa ke Madinah dengan menaiki pesawat khas untuk dikebumikan di perkuburan al-Baqī‘ sebagaimana menurut wasiatnya. Di Madinah, jenazah beliau telah disambut oleh

⁵⁵ Maḥmūd Sa‘īd Mamdūh (1998), *op.cit.*, h. 11.

⁵⁶ http://www.aboghodda.com/ar_death.htm

⁵⁷ *Ibid.*

SHEIKH ‘ABD AL-FATTAH ABU GHUDDAH (1917-1997M):

ramai orang, termasuklah para ulama, rakan-rakan, kaum kerabat dan anak-anak muridnya. Jenazah beliau telah disembahyangi sekali lagi di Masjid al-Nabawī selepas solat Isyak pada malam Selasa dan seterusnya dibawa ke perkuburan al-Baqī‘ untuk disemadikan.⁵⁸

Semoga Allah s.w.t. melimpahkan ke atas rohnyanya rahmat dan kasih sayangNya yang tidak terhingga. Amin.

⁵⁸ *Ibid.*, h. 11-12. Aboghodda.com, *ibid.*